



22 FEB, 2023

Kerjasama rancak industri pertanian peringkat persekutuan, negeri

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Kerjasama rancak industri pertanian peringkat persekutuan, negeri

MAFS, MFICORD telah bersetuju membentuk jawatankuasa pembangunan bersama

KUCHING: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) dan Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (MFICORD) pada dasarnya telah bersetuju untuk membentuk jawatankuasa pembangunan bersama dalam usaha merancakkan industri pertanian di peringkat persekutuan dan negeri.

Timbalan Menteri MAFS Chan Foong Hin berkata perbincangan awal mengenai pembentukan jawatankuasa ini telah pun bermula.

“Ketua Setiausaha (KSU) kementerian saya akan mengadakan perbincangan lanjut dengan setiausaha tetap Sarawak sebelum kita membincangkan terma rujukan untuk menubuhkan jawatankuasa ini.

“Tetapi secara asasnya, kita pada dasar bersetuju untuk mempunyai jawatankuasa ini.

“Ja sangat penting kerana kerajaan persekutuan harus menyokong dan memudahkan wawasan Sarawak untuk menjadi pengeksport makanan bersih menjelang 2030,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas mengadakan kunjungan hormat terhadap Menteri MFICORD Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom di pejabatnya di Kompleks Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini semalam.

Chan menegaskan sebagai negeri terbesar di negara ini, Sarawak seharusnya memainkan peranan penting dalam menjaga sekuriti makanan bukan sahaja untuk negerinya tetapi juga Malaysia secara keseluruhan.

“Istilah ‘pengeksporthan’



TANDA INGATAN: Dr Rundi (tiga kiri) menyerahkan cenderamata kepada Chan (tiga kanan) semasa kunjungan hormat itu. Turut kelihatan (dari kiri) Martin, Dr Abdul Rahman, Ramli dan Chong. — Gambar Muhammad Rais Samui

“Ketua Setiausaha (KSU) kementerian saya akan mengadakan perbincangan lanjut dengan setiausaha tetap Sarawak sebelum kita membincangkan terma rujukan untuk menubuhkan jawatankuasa ini.”

Chan Foong Hin
Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

sih’ boleh membawa makna mengeksport ke Semenanjung Malaysia dan Sabah dan bukan hanya mengeksport ke luar negara.

“Sekiranya kebanyakan makanan dari Sarawak dieksport ke Semenanjung Malaysia, pada asasnya ia membantu dalam menjaga sekuriti makanan kita juga,” katanya ketika menyentuh perkara yang dibincangkan semasa

mesyuarat semalam.

Beliau juga berkata, mesyuarat itu membincangkan MFICORD untuk menubuhkan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Sarawak (Saqis) yang serupa dengan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di peringkat persekutuan.

Sementara itu, Dr Rundi berkata cadangan jawa-

tankuasa pembangunan bersama itu akan membolehkan kedua-dua kementerian negeri dan persekutuan berkongsi maklumat antara satu sama lain serta visi untuk bergerak ke hadapan dalam industri pertanian.

“Kita berkongsi antara satu sama lain supaya perkara yang kita lakukan adalah seiring dengan kerajaan persekutuan, terutama berhubung cara kita boleh bergerak ke hadapan dalam industri ini.

“Apabila kita bercakap mengenai sektor pertanian secara keseluruhan, ia termasuk penternakan, perikanan dan tanaman.

“Ini adalah tiga perkara yang kita tidak mahu menduplikasi peranannya. Ia harus dijadikan satu.

“Sebab itu kita berbincang dengan kerajaan persekutuan untuk membantu kita,” katanya.

Beliau turut menyentuh

perbincangan untuk mempertingkatkan langkah biosekuriti negeri melalui penubuhan Saqis seperti yang dicadangkan.

“Terdapat banyak perkara berasal dari Sarawak dan oleh itu apabila (ibu kota baharu Indonesia) Nusantara (di Kalimantan) ditubuhkan, kita perlu mempunyai sekuriti yang cukup kuat.

“Sekuriti makanan adalah sangat penting kepada kita supaya dapat memastikan kita dapat mencapai sasaran sebagai pengeksport makanan bersih menjelang 2030,” kata Dr Rundi.

Turut hadir Timbalan-Timbalan Menteri MFICORD Datuk Dr Abdul Rahman Ismail dan Martin Ben, Ahli Parlimen Stampin Chong Chieng Jen dan Timbalan Pengarah (Operasi) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Sarawak Ramli Mat Sani.



22 FEB, 2023

Kerjasama rancak industri pertanian peringkat persekutuan, negeri

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

MAFS, MFICORD telah bersetuju membentuk jawatankuasa pembangunan bersama

KUCHING: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) dan Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (MFICORD) pada dasarnya telah bersetuju untuk membentuk jawatankuasa pembangunan bersama dalam usaha merancakkan industri pertanian di peringkat persekutuan dan negeri. Timbalan Menteri MAFS Chan Foong Hin berkata perbincangan awal mengenai pembentukan jawatankuasa ini telah pun bermula.